

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

Pengenalan

Di dalam bab ini, data hasil dapatan kajian tentang penilaian formatif bagi Modul Pembelajaran Kendiri akan dibincangkan. Penilaian formatif telah dijalankan ke atas 20 orang pelajar untuk membuat penilaian tentang modul yang dihasil bagi mengetahui kesesuaian MPK ini dalam pembelajaran pemulihan al-Quran bagi pelajar-pelajar yang berpencapaian rendah.

Penilaian formatif ini dijalankan dalam dua bentuk iaitu; penilaian satu dengan satu yang dijalankan ke atas 4 orang pelajar dan penilaian kumpulan kecil seramai 16 orang pelajar yang terlibat. Setelah data dikumpul penyelidik telah menganalisis dapatan tersebut secara deskriptif .

Data-data yang diperolehi dianalisis dengan membahagikan dua bahagian iaitu:

- i. Keputusan pra ujian dan pasca ujian yang telah dijawab oleh pelajar. Pencapaian dari kedua-dua ujian ini digunakan bagi mengetahui samada penggunaan MPK ini dapat membantu pelajar memahami hukum tajwid berkaitan dan menguasainya.
- ii. Hasil maklum balas dari soal selidik dan temu bual terhadap pelajar yang terlibat. Tujuannya untuk mengetahui pencapaian bagi peratus item yang terlibat.

Data-data ini diproses dan dianalisis bertujuan untuk menjawab persoalan:

1. Adakah penggunaan MPK dapat membantu pelajar meningkatkan pemahaman dan penguasaan terhadap hukum tajwid secara literasi.

2. Apakah tanggapan pelajar mengenai MPK yang dihasilkan? Adakah iaanya menarik untuk diikuti serta mudah difahami .

Data diperolehi berdasarkan soalan yang dijawab oleh sampel setelah diberikan borang soal selidik berkaitan dengan isi kandungan modul, persembahan rekabentuknya dan latihan-latihan yang berkaitan di dalam modul tersebut.

Sebanyak dua set bahan yang mengandungi data yang dipungut, ia mengandungi perkara-perkara berikut:

1. Set pertama merupakan data yang berkaitan pencapaian pelajar melalui pra-test sebelum penggunaan modul dan pasca ujian selepas penggunaan modul. Hasil dari pencapaian pre-test dan post-test digunakan bagi menunjukkan samada MPK boleh digunakan dalam meningkatkan penguasaan pelajar berhubung hukum tajwid tersebut.
2. Set kedua adalah dari hasil kaji selidik dan tembuai berkaitan modul dari pelajar dan guru. Soal selidik yang diberikan kepada pelajar dibahagikan kepada 4 kategori perkara yang perlu dinilai dan keseluruhannya mengandungi 15 item. Kategori-katogeri tersebut ialah:
 - i. Penilaian Umum Dalam Pembelajaran
 - ii. Isi dan kandungan modul
 - iii. Cara persembahan
 - iv. Kreativiti

Item-item yang diberikan memerlukan jawapan dalam bentuk skala likert 1 hingga 5. Berikut merupakan hasil dapatan dari penilaian yang dijalankan berdasarkan persoalan kajian. Selain dari perkara di atas, penyelidik juga membuat analisa berkaitan dengan masa yang diambil oleh pelajar semasa

menggunakan modul tersebut. Penyelidik membuat perbandingan antara masa yang diambil oleh sampel penilaian satu dengan satu dan sampel penilaian kumpulan kecil. Berikut merupakan keputusan yang diperolehi;

Keputusan kajian

Keputusan ini bagi menjawab persoalan:

- Adakah penggunaan modul dapat meningkatkan pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap hukum tajwid tersebut?

Keputusan berkaitan pra test dan post test penggunaan MPK ini penyelidik telah membahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- Analisis Deskriptif Penilaian Formatif satu dengan satu**
Penilaian formatif satu dengan satu yang dijalankan ke atas 4 orang pelajar berkaitan tajuk Nun Sakinah dan Tanwin dan Mim Sakinah.

Keputusan penilaian formatif satu dengan satu.

- Jadual 3 adalah keputusan penilaian formatif satu dengan satu yang dijalankan ke atas 4 orang pelajar bagi hukum Nun Sakinah dan Tanwin

MPK	Min	Sisihan	t	Sig (2-tailed)	Status
Nun Sakinah dan Tanwin		lazim			
Pra ujian	29.75				
Pasca ujian	57.5	27.75	7.072	.006	Sesuai

Jadual 3 - Nun Sakinah dan Tanwin

Jadual ini menunjukkan pencapaian pra ujian dan pasca ujian bagi hukum Nun Sakinah dan Tanwin. Nilai t yang didapat dari jadual di atas ialah 7.072 dengan Kebarangkalian $P = .006 < 0.05$. Ini menunjukkan ianya

signifikan iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah pasca ujian dengan min markah pra ujian. Daripada jadual 3 di atas menunjukkan min markah pra ujian adalah lebih tinggi iaitu 57.5 berbanding dengan min markah pra ujian 29.75 di mana beza antara kedua min ialah 27.75.

- b. Jadual 4 di bawah adalah keputusan penilaian formatif satu dengan satu yang dijalankan ke atas 4 orang pelajar bagi hukum Mim Sakinah.

MPK	Min	Sisihan lazim	t	Sig (2-tailed)	Status
Mim Sakinah					
Pra ujian	27.00	43.75	6.02	.001	Sesuai
Pasca ujian	70.75				

Jadual 4 – Mim Sakinah

Jadual ini menunjukkan pencapaian pra ujian dan pasca ujian bagi hukum Mim Sakinah. Nilai t yang didapati dari jadual di atas ialah 6.02 dengan Kebarangkalian $P=.001 < 0.05$. Ini menunjukkan iaanya signifikan iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah pasca ujian dengan min markah pra ujian. Daripada jadual 4 di atas menunjukkan min markah pasca ujian lebih tinggi iaitu 70.75 berbanding min markah minimum pra ujian iaitu 27.00 di mana beza antara kedua min ialah 43.75.

Berdasarkan maklum balas dan cadangan melalui soal selidik dan temubual yang diberikan oleh pelajar yang terlibat dengan penilaian formatif satu dengan satu, setelah mereka menggunakan modul, penyelidik telah melakukan pengubahsuaian serta beberapa pembetulan di bahagian terlibat. Setelah pembetulan dibuat penyelidik telah menjalankan ujian penilaian formatif kumpulan kecil yang melibatkan pelajar seramai 20 orang.

ii. Analisis Deskriptif Penilaian Formatif kumpulan kecil

Penilaian formatif kumpulan kecil dijalankan ke atas 16 orang pelajar berkaitan tajuk Nun Sakinah dan Tanwin dan Mim Sakinah.

Keputusan penilaian formatif kumpulan kecil

- c. Jadual 5 adalah keputusan penilaian formatif kumpulan kecil yang dijalankan ke atas 16 orang pelajar bagi hukum Nun Sakinah dan Tanwin

MPK	Min	Sisihan	t	Sig (2-tailed)	Status
Nun Sakinah dan Tanwin Pra ujian	26.68	* lazim			
Pasca ujian	59.56	32.87	11.31	.000	Sesuai

Jadual 5 - Nun Sakinah dan Tanwin

Jadual ini menunjukkan pencapaian pra ujian dan pasca ujian bagi hukum Nun Sakinah dan Tanwin ke atas seramai 16 orang pelajar. Nilai t yang didapati dari jadual di atas ialah 11.31 dengan Kebarangkalian $P=.000 < 0.05$. Ini menunjukkan ianya signifikan iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah pasca ujian dengan min markah pra ujian. Daripada jadual 5 di atas menunjukkan min markah pasca ujian lebih tinggi iaitu 59.56 berbanding min markah min praa ujian iaitu 26.68 di mana beza antara kedua min ialah 32.87.

- d. Jadual 6 adalah keputusan penilaian formatif kumpulan kecil yang dijalankan ke atas 16 orang pelajar bagi hukum Mim

Sakinah

MPK	Min	Sisihan	t	Sig (2-tailed)	Status
Mim Sakinah		lazim			
Pra ujian	23.12				
Pasca ujian	64.50	41.37	14.53	.000	Sesuai

Jadual 6 - Mim Sakinah

Jadual ini menunjukkan pencapaian pra ujian dan pasca ujian bagi hukum Mim Sakinah ke atas 16 orang pelajar. Nilai t yang didapati dari jadual di atas ialah 14.53 dengan Kebarangkalian $P < .000 < 0.05$. Ini menunjukkan ianya signifikan iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah pasca ujian dengan min markah pra ujian. Daripada jadual 6 di atas menunjukkan min markah pasca ujian lebih tinggi iaitu 64.50 berbanding min markah min pra ujian iaitu 23.12 di mana beza antara kedua min ialah 41.37.

- e. Taburan pencapaian markah Nun Sakinah dan Tanwin bagi pelajar setelah menggunakan MPK

	N		Mean	Mode	Minimum	Maximum
	Valid	Missing				
Pra ujian	16	0	26.68	28.00	8.00	34.00
Pasca ujian	16	0	59.56	52.00	40.00	80.00

Jadual 7 – Taburan pencapaian markah bagi pra ujian dan pasca ujian Nun Sakinah dan Tanwin

Jadual 7 di atas adalah jadual taburan markah pencapaian pelajar dalam pra ujian dan paasca ujian untuk modul Nun Sakinah dan Tanwin. Dari jadual tersebut didapati pencapaian pelajar dalam pasca ujian meningkat dengan min 59.56 berbanding pra ujian dengan min 26.68. Selain itu markah minimum yang dicapai oleh pelajar berdasarkan jadual di atas, bagi pasca ujian ialah 40% berbanding dengan markah minimum pra ujian hanya 8%. Manakala pencapaian markah maksimum bagi pasca ujian ialah 80% berbanding dengan markah maksimum pra ujian sebanyak 34%. Ini menunjukkan modul yang digunakan dapat membantu meningkatkan pemahaman pelajar berdasarkan peningkatan pencapaian yang tinggi dalam keputusan pasca ujian.

Jadual 7 ini juga menunjukkan markah mode yang diperolehi oleh pelajar bagi post test adalah tinggi iaitu 52.00% berbanding dengan markah mode bagi pre test iaitu 28.00%.

	N		Mean	Mode	Minimum	Maximum
	Valid	Missing				
Pra ujian	16	0	23.12	33.00	5.00	34.00
Pasca ujian	16	0	64.5	74.00	35.00	88.00

Jadual 8 -Taburan markah pencapaian pra ujian dan pasca ujian
Mim Sakinah

Jadual 8 di atas adalah jadual taburan markah bagi pencapaian pelajar dalam pra ujian dan pasca ujian untuk modul Mim Sakinah. Dari jadual tersebut didapati pencapaian pelajar dalam pasca ujian meningkat dengan min 64.5% berbanding pra ujian dengan min 23.12 %. Selain itu markah minimum yang dicapai oleh pelajar berdasarkan jadual di atas, bagi pasca ujian ialah 35% berbanding dengan markah pra ujian dengan pencapaian minimum ialah 5.00%. Manakala pencapaian markah maksimum bagi pscaa ujian ialah 88% berbanding dengan markah pra ujian sebanyak 34%. Ini menunjukkan modul yang digunakan dapat membantu peningkatan pemahaman pelajar berdasarkan peningkatan pencapaian yang tinggi dalam keputusan pasca ujian.

b. Apakah pandangan dan tanggapan pelajar mengenai MPK yang dihasilkan

Pandangan dan pendapat pelajar diberikan kepada dua bahagian

- i. Hasil soal selidik
- ii. Hasil temubual dengan pelajar

Hasil soal selidik

- i. Taburan keseluruhan item untuk penilaian formatif satu dengan satu bagi 4 orang pelajar.

	N	Valid	Min	Mod	Minimum	Maximum
Topik penting	4	4.75	5.00	4.00	5.00	
Maklumat mengikut konsep	4	4.25	4.00	4.00	5.00	
Penerangan bersistematik	4	4.00	3.00	3.00	5.00	
Aktiviti galakkan pemikiran	4	4.50	4.00	4.00	5.00	
Tajuk dan objektif bersesuaian	4	4.50	4.00	4.00	5.00	
Penyampaian mudah difahami	4	4.00	4.00	3.00	5.00	
Kandungan modul sesuai	4	4.25	4.00	4.00	5.00	
Susunan teks dan grafik	4	3.75	3.00	3.00	5.00	
Penggunaan nota sampingan	4	4.00	4.00	3.00	5.00	
Maklum balas dan motivasi	4	4.25	4.00	4.00	5.00	
Kesinambungan penyampaian nota	4	4.75	5.00	4.00	5.00	
Kreativiti	4	4.50	4.00	4.00	5.00	
Penggunaan peta konsep	4	4.25	5.00	3.00	5.00	
Panduan pengguna	4	4.25	4.00	4.00	5.00	

Tanggapan keseluruhan modul	4	4.75	5.00	4.00	5.00
-----------------------------	---	------	------	------	------

Jadual 9 - Taburan keseluruhan item bagi tahap kesesuaian modul untuk penilaian formatif satu dengan satu

Jadual 9 di atas adalah jadual taburan bagi tahap kesesuaian modul untuk pembolchubah pembolchubah yang dinyatakan berkaitan modul. Daripada jadual tersebut didapati purata kesesuaian bagi kesemua pembolchubah adalah lebih besar daripada 4.00 yang menunjukkan modul ini berada di tahap baik. Walau bagaimanapun min bagi susunan teks dan grafik hanya 3.75. Ini menunjukkan majoriti pelajar mengatakan item tersebut berada di tahap memuaskan. Hasil maklum balas dan pandangan yang diberikan para pelajar berkaitan susunan teks dan grafik mereka mengatakan penggunaan grafik yang kurang dan adalah lebih baik jika setiap penerangan diberikan dalam bentuk pengurusan grafik atau peta minda, susunan teks agak bercelaru. Mereka juga mencadangkan agar tulisan ayat-ayat al-Quran yang diberikan dibesarkan saiznya dan ditulis titiknya dengan jelas. Sehubungan itu penyelidik telah membuat pengubahsuaian. Setelah pengubahsuaian dilakukan ujian penilaian formatif kumpulan kecil yang melibatkan 16 orang pelajar dijalankan bagi mengetahui kesesuaian modul

ii. Taburan keseluruhan item untuk penilaian formatif kumpulan kecil

	N					
		Valid	Min	Mod	Minimum	Maximum
Topik penting	16	4.81	5.00	3.00	5.00	
Maklumat mengikut konsep	16	4.56	5.00	3.00	5.00	
Penerangan bersistematik	16	4.37	5.00	3.00	5.00	
Aktiviti galakkan pemikiran	16	4.62	5.00	3.00	5.00	
Tajuk dan objektif bersesuaian	16	4.50	5.00	3.00	5.00	
Penyampaian mudah difahami	16	4.37	4.00	3.00	5.00	
Kandungan modul sesuai	16	4.62	5.00	3.00	5.00	
Susunan teks dan grafik	16	4.43	5.00	3.00	5.00	
Penggunaan nota sampingan	16	4.56	5.00	3.00	5.00	
Maklum balas dan motivasi	16	4.43	5.00	3.00	5.00	
Kesinambungan penyampaian nota	16	4.50	5.00	3.00	5.00	
Kreativiti	16	4.31	5.00	3.00	5.00	
Penggunaan peta konsep	16	4.31	5.00	3.00	5.00	
Panduan pengguna	16	4.50	5.00	3.00	5.00	
Tanggapan keseluruhan modul	16	4.75	5.00	4.00	5.00	

Jadual 10 Taburan keseluruhan item bagi tahap kesesuaian modul untuk penilaian formatif satu dengan satu

Jadual 10 di atas adalah jadual taburan markah bagi tahap kesesuaian modul yang didapati setelah penilaian formatif kumpulan kecil. Daripada jadual tersebut didapati purata kesesuaian bagi kesemua pembolehubah adalah lebih besar daripada 4.00 yang menunjukkan modul ini berada di tahap baik. Walau bagaimanapun bagi jadual ini markah minimum setiap item berada pada tahap nombor 3 menunjukkan tahap memuaskan. Namun demikian jika dibandingkan mod ujian formatif jadual 9 dengan mod ujian formatif jadual 10 menunjukkan pelajar-pelajar yang menjalani penilaian formatif kumpulan kecil lebih ramai memberikan tahap amat baik itu dengan menanda di ruangan nombor 5.

Hasil temu bual dengan pelajar

Bahagian ini melibatkan temu bual penyelidik dengan seramai 16 orang pelajar secara temu bual berstruktur. 16 orang pelajar ini merupakan responden bagi penilaian formatif kumpulan kecil.

i. Perasaan pelajar ketika menggunakan modul.

a. Apakah perasaan mereka sebelum menggunakan modul.

Mengapa?

Menurut para pelajar yang terlibat, pada mulanya semasa menjawab soalan pre test mereka berasa gusar dan bimbang kerana tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat bahkan ada di kalangan mereka yang meninggalkan ruang-ruang kosong di ruang jawapan disebabkan pengetahuan sedia ada pada mereka terlalu cetek lantas gagal memberi jawapan yang tepat bahkan gagal dalam pre test. Mereka berpendapat perasaan

tersebut timbul kerana mereka sememangnya tidak berminat belajar hukum tajwid, mereka mengatakan ianya sukar difahami dan apabila dikhendaki menjawab soalan-soalan tersebut perkara utama yang terfikir ialah membaca modul dengan menggunakan tulisan jawi, ini semakin menurunkan minat mereka terhadap pelajaran tajwid. Tetapi keadaan tersebut berbeza sama sekali apabila mereka mula menggunakan modul.

- b. Apakah perasaan kamu setelah menggunakan modul tersebut?

Dari maklum balas yang diberikan oleh pelajar mereka mengatakan seronok belajar dengan menggunakan modul ini kerana mereka dapat meneliti dan nampak dengan jelas bagaiman sesuatu hukum tajwid itu terjadi. Apa sebab-sebab yang mewujudkan hukum tersebut dan huruf-huruf yang terlibat dalam pembentukan hukum tersebut. Walaupun modul ini menerangkan sesuatu perkara secara literasi tetapi secara dasarnya dapat memberikan pemahaman kepada mereka dalam mengenali sesuatu hukum tajwid. Mereka merasa selesa dan yakin dalam membuat latihan disebabkan tidak merasa tertekan dengan suasana persekitaran. Jika di dalam kelas mereka bersaing dengan pelajar yang lebih paandai tetapi dengan modul ini mereka boleh membaca nota secara berulang tanpa perasaan malu. Nota-nota dan latihan-latihan yang diberikan mengikut tahap kesukaran dari senang ke susah.

- ii. Adakah penggunaan modul ini meningkatkan pemahaman dan penguasaan kamu bagi topik berkaitan?

Kesemua 16 orang pelajar mengatakan mereka berpuashati belajar cara begini kerana banyak nota, tips dan panduan diberikan. Nota dan tips tersebut membantu mereka memahami dengan lebih lanjut penyampaian kandungan modul di samping bahasa yang digunakan mudah dan ringkas. Apa yang menariknya para pelajar ini mengatakan disebabkan penggunaan grafik dan ilustrasi menambah daya tarikan terhadap penggunaan modul ini. Penerangan setiap isi diberikan dalam bentuk pengurusan grafik dan peta minda dengan huraian ringkas dan teratur mengikut pecahan-pecahan isi menjadikan mereka merasa ingin meneruskan pembelajaran.

Menurut mereka lagi lebih menarik apabila setiap latihan yang dibuat kemudiannya disemak dan diberi penerangan mengenai jawapan mereka. Mereka berasa gembira apabila mendapat motivasi dalam bentuk pujian jika menjawab dengan betul dan tepat. Manakala bagi mereka yang tidak dapat menjawab dengan tepat mereka diberikan kata-kata dorongan dan bolch mengulangi semula belajar sub topik yang kurang difahami. Tidak terdapat kekangan masa, dimana mereka boleh menggunakan modul ini mengikut kesesuaian mereka .

Kesimpulan

Kesimpulannya dari data yang diperolehi didapati status kedua-dua modul yang dihasilkan adalah amat sesuai untuk digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran tajwid yang berkaitan dengan hukum Nun Sakinah dan Mim Sakinah dalam Pendidikan Islam KBSM.